

Rujukan Kami (Our Ref.): UMP.02.01/10.12/2 Jilid 6 ( )  
Tarikh : 24 Mei 2017

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Y.H Dato` / Y.Bhg. Datin / Prof. / Prof Madya / Dr. Tuan / Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.1 TAHUN 2017: PINDAAN WAKTU  
BEKERJA BAGI BULAN RAMADAN 1438 H /2017 M**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil 1. Tahun 2017 mengenai Pindaan Waktu Bekerja Bagi Bulan Ramadan 1438 H / 2017 M untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.
3. Bagi tahun 2017 ini, dicadangkan supaya waktu rehat diawalkan kepada jam 1.00 petang berbanding 1.30 petang pada tahun 2016 dan sebelum ini, selaras dengan program tadarus anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan memudahkan staf untuk solat berjemaah.

...1/2

UMP.02.01/10.12/2 Jilid 6 ( )

4. Pihak universiti mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga kemudahan yang diberikan akan dimanfaatkan sepanjang bulan Ramadan ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)**

Pemangku Timbalan Pendaftar

Bahagian Khidmat Pengurusan

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

SB/nfz/pcide

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1 TAHUN 2017

Adalah dimaklumkan bahawa umat Islam di Malaysia dijangka akan menyambut bulan Ramadan 1438 Hijrah mulai 27 Mei 2017 bersamaan hari Sabtu. Sehubungan dengan itu, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju agar waktu bekerja yang sedang berkuat kuasa ketika ini dipinda sesuai dengan pemakainya dan tertakluk hanya sepanjang bulan Ramadan 1438 Hijrah sahaja.

2. Pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

| Waktu Berperingkat | Hari              | Waktu Bekerja                     | Waktu Rehat                         | Waktu Bekerja                   | Tempoh Waktu Bekerja Sehari                 |
|--------------------|-------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|---|
| WP 1               | Isnin -<br>Khamis | 7.30 pagi -<br>1.00 petang        | 1.00 petang<br>-1.30<br>petang      | 1.30 petang<br>- 4.00<br>petang | 8 jam (tidak termasuk waktu rehat)          |
|                    | Jumaat            | 7.30 pagi -<br>12.30<br>tengahari | 12.30<br>tengahari -<br>2.30 petang | 2.30 petang<br>- 4.00<br>petang | 6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat) |
| WP 2 dan<br>WP 3   | Isnin -<br>Khamis | 8.00 pagi -<br>1.00 petang        | 1.00 petang<br>-1.30<br>petang      | 1.30 petang<br>- 4.30<br>petang | 8 jam (tidak termasuk waktu rehat)          |
|                    | Jumaat            | 8.00 pagi -<br>12.30<br>tengahari | 12.30<br>tengahari -<br>2.30 petang | 2.30 petang<br>- 4.30<br>petang | 6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat) |

3. Pindaan waktu ini akan melibatkan staf UMP dapat pulang 30 minit lebih awal dengan waktu rehat setiap staf akan dipendekkan dari 1 jam kepada 30 minit sahaja. Pindaan waktu ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- a) Waktu bekerja ini adalah terpakai untuk bulan Ramadan 1438 H/2017 M sahaja.
- b) WP3 adalah dipinda mengikut waktu bekerja WP2 seperti jadual di atas.
- c) Waktu bekerja ini berkuatkuasa mulai 27 Mei 2017 (1 Ramadan 1437 H) dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadan 1438 H / 2017 M

4. Pihak universiti mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga kemudahan yang diberikan akan dimanfaatkan sepanjang bulan Ramadan ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)**

Pemangku Timbalan Pendaftar  
Bahagian Khidmat Pengurusan

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan